



## **KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya**  
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

### **PUTRAJAYA PARK'S DAY TONJOL SUASANA DESA PIKAT KEHADIRAN PENGUNJUNG**

**PUTRAJAYA**, 22 Jun 2024 – Putrajaya Park's Day 2024 membuka tirai dengan majlis perasmianya yang disempurnakan oleh YABhg. Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isteri Perdana Menteri pada hari ini di Taman Warisan Pertanian, Presint 16.

Putrajaya Park's Day 2024 anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) akan berlangsung selama dua (2) hari bermula dari 22 hingga 23 Jun 2024 bertujuan untuk mempromosikan keunikan dan kepelbagaian 12 buah taman awam yang terdapat di Putrajaya, sekaligus menjadikannya sebagai tarikan pelancongan domestik dan antarabangsa. Pada tahun ini, Putrajaya Park's Day kembali bagi kali ke-3 sejak penganjuran kali pertama pada tahun 2019 di Taman Wetland dan kali ke-2 pada tahun 2020 di Taman Wawasan. Taman Warisan Pertanian yang dipilih sebagai lokasi penganjuran kali ini merupakan salah satu taman yang wajib dikunjungi kerana ia dibangunkan bagi memelihara warisan dan pertanian Malaysia dengan menawarkan keunikan dusun dalam bandar yang berkonsepkan Agro Tourism.


Dengan mengetengahkan tema "Mengimbau Zaman Dulu-Dulu", pelbagai aktiviti dan program telah disusun atur bagi Putrajaya Park's Day 2024 bertepatan dengan tema yang ingin ditonjolkan. Antaranya adalah permainan tradisional (congkak, batu seremban, sepak raga, gasing, sepak bulu ayam dan lain-lain), menangkap belut di sawah bendang, menanam pokok padi, demo menoreh dan memproses getah, aktiviti mengacau dodol dan pertandingan mengail tradisional menggunakan joran buluh. Selain itu, acara larian

“She Run” sejauh 5km berkonsepkan larian santai dengan memakai pakaian tradisional turut dianjurkan.

Jualan buffet buah-buahan dengan harga sebanyak RM10.00 bagi pengunjung dewasa dan RM5.00 bagi pengunjung kanak-kanak berumur 7 tahun ke atas ditawarkan dengan hidangan pelbagai jenis buah-buahan tempatan termasuklah rambutan, mata kucing, duku langsung, pulasan dan lain-lain.

Bagi penganjuran kali ini, PPj mendapat kerjasama daripada rakan strategik iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia), Red Adventure Sdn Bhd dan Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (PutraKop).

Turut hadir dalam majlis perasmian ini adalah YBhg Dato’ TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden PPj, YBhg. Datuk ‘Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, YBhg. Datuk Ramlee bin Yatim, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pembangunan) Jabatan Wilayah Persekutuan dan YBrs. Puan Aiada binti Abdul Rashid, Pengarah FAMA Negeri Selangor.

  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 21 Jun 2024

---

Sila hubungi Pegawai Media PPj (Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564) bagi keterangan lanjut berhubung siaran media ini.